

**PM akan umum beberapa lagi projek PR1MA esok**  
**Utusan Online**  
**11 Februari, 2013**  
**Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLY**

JOHOR BAHRU 11 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan beberapa lagi projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) sempena lawatan rasmi beliau ke negeri ini esok.

Pengumuman oleh Najib itu adalah susulan pembangunan 201 unit kediaman Nusantara Prima di Nusajaya.

Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Mutalib Alias berkata, pengumuman besar melibatkan jumlah dan lokasi-lokasi menarik di sekitar ibu negeri itu akan dibuat oleh Najib dalam Majlis Cabutan Undi Projek Perumahan Nusantara Prima di Dewan Raya Bandar Putra, Kulaijaya.

"Saya harap pengumuman oleh Perdana Menteri esok akan memberi peluang kepada penduduk Johor Bahru merasai manfaat PR1MA, kerana ia melibatkan fasa-fasa lain di keseluruhan Johor Bahru dan bukan saja Nusantara Prima.

"Dalam cabutan esok, permohonan yang diterima melalui laman web [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) akan dipilih mengikut nombor rujukan dan cabutan esok adalah termasuk 201 lagi pemohon untuk senarai simpanan selepas disahkan, dijaga dan diselia juruaudit bertauliah, KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.," katanya dalam sidang akhbar dan sesi penerangan proses pengundian Nusantara Prima, di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130211/dn\\_32/PM-akan-umum-beberapa-lagi-projek-PR1MA-esok](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130211/dn_32/PM-akan-umum-beberapa-lagi-projek-PR1MA-esok)